



Semua negeri ada IPTA

INFO SEMASA

SETELAH semua enam kolej universiti ditukar nama kepada universiti dan tiga universiti baru diwujudkan, kini setiap negeri di Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sendiri.

Kini terdapat 20 universiti awam di negara ini, dan tersebar di setiap negeri.

Walaupun dengan nama baru, namun setiap universiti berkenaan akan terus memberi fokus dan meningkatkan bidang pengajian sains, teknologi dan kejuruteraan yang menjadi tumpuan masing-masing sebelum ini.

Terbaru

Kolej Universiti Islam Malaysia kini menjadi universiti Islam kedua negara dengan nama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), manakala Kolej Universiti Tun Hussein Onn menjadi universiti awam pertama menggunakan nama tokoh yang disegani, iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia pula akan bertukar nama kepada Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM), sementara tiga lagi menggunakan nama negeri masing-masing iaitu Universiti Malaysia Perlis (sebelum ini KUKUM), Universiti Malaysia Pahang (KUKTEM) dan Universiti Malaysia Terengganu (KUSTEM).

Terengganu juga sebelum ini mendapat universiti baru dengan nama Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dan Kelantan dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Manakala yang terbaru ialah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang akan mengutamakan mereka yang berminat untuk berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Universiti Baru

Nama	Lokasi
Universiti Darul Iman (UDM)	Kuala Terengganu, Terengganu http://www.udm.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Kota Bharu, Kelantan http://www.umk.edu.my
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur http://www.upnrn.edu.my

Nama lama	Nama baru	Lokasi
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Nilai, Negeri Sembilan http://www.usim.edu.my



PROFESOR DATUK DR. ABDUL SHUKOR HUSIN
NAIB-CANSELOR

Nama lama	Nama baru	Lokasi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Kuala Terengganu, Terengganu http://www.umat.edu.my



PROFESOR DATUK DR. SULAIMAN MD YASSIN
NAIB-CANSELOR

Nama lama	Nama baru	Lokasi
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Batu Pahat, Johor http://www.uthm.edu.my



PROFESOR DATUK DR. ISMAIL BAKAR
NAIB-CANSELOR

Nama lama	Nama baru	Lokasi
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Ayer Keroh, Melaka http://www.utem.edu.my



PROFESOR DATUK ISMAIL HASSAN
NAIB-CANSELOR

Nama lama	Nama baru	Lokasi
Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM)	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Kuantan, Pahang http://www.ump.edu.my



PROFESOR DATUK DR. ABDUL SHUKOR HUSIN
NAIB-CANSELOR

Nama lama	Nama baru	Lokasi
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	Kangar, Perlis http://www.unimap.edu.my



KOL. PROFESOR DATUK DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB-CANSELOR